

18 JUN 2003

Rencana-Tioman

PULAU BEBAS CUKAI TIOMAN PELBAGAIKAN AKTIVITI PELANCONGAN

Oleh: Zafri Razali dan Lizawati Bahanan

PULAU TIOMAN; -- Sejak perisytiharannya sebagai pulau bebas cukai September lepas, Pulau Tioman yang diiktiraf sebagai salah sebuah daripada 10 pulau tercantik di dunia kini terus mencipta nama pada peta pelancongan antarabangsa.

Selain keindahan alam semula jadinya, pelbagai inisiatif bagi memenuhi status baru itu telah dijalankan, khususnya dalam penyediaan kemudahan-kemudahan asas serta mempelbagaikan pakej pelancongan, membabitkan bukan sahaja pihak berkuasa malah penduduk setempat.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), Hashim Mat Tahir berkata, langkah-langkah agresif itu diambil bagi memastikan pulau ini mampu menyaingi pulau-pulau bebas cukai atau destinasi pelancongan yang lain di dalam dan di luar negeri.

Katanya, antara langkah yang telah diambil bagi membangunkan pulau ini ialah membina 14 unit rumah kedai di Kampung Salang bagi kemudahan penduduk setempat menjalankan aktiviti perniagaan.

Selain itu, kerajaan juga sedang menimbang cadangan untuk membina sebuah marina di Kampung Tekek bagi menyediakan kemudahan kepada para pelayar yang singgah di pulau ini.

TARIKAN KEPADA PELAYAR

Katanya, keindahan semula jadi Pulau Tioman memang sejak dulu lagi telah menjadi satu daya tarikan kepada pelayar. Bagaimanapun, ketiadaan tempat berlabuh yang sempurna menyulitkan mereka untuk singgah di pulau ini.

"Tioman sering dikunjungi pelayar luar, tetapi ketiadaan tempat berlabuh yang selesa menyebabkan hanya sebilangan kecil daripada mereka singgah di sini, dan itupun sekejap sahaja," katanya.

Beliau yakin pembinaan marina itu kelak akan merangsang kegiatan ekonomi masyarakat tempatan yang kebanyakannya tertumpu kepada industri pelancongan.

Hashim berkata, selain itu TDA juga kini dalam peringkat perancangan awal bagi mempelbagaikan aktiviti darat di pulau ini bagi memenuhi keperluan pelancong yang kebanyakannya turut menggemari kegiatan riadah seperti mendaki gunung, berkhemah dan menerokai hutan.

"Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara pada tahun 2000 telah menyediakan satu pelan konsep eko-pelancongan yang membolehkan aktiviti di darat dilaksanakan," katanya.

Menurutnya, aktiviti sedemikian membolehkan sebahagian penduduk tempatan yang kini hanya tertumpu kepada aktiviti air mengubah haluan dengan menyertai kerja-kerja daratan seperti menjadi pemandu pelancong.

PEMANDU PELANCONG

Setakat ini terdapat lima orang penduduk tempatan yang telah memperoleh lesen sebagai pemandu pelancong menerusi latihan dan kursus anjuran TDA.

"Mereka ini bertauliah sebagai pemandu pelancong bagi aktiviti di darat dan laut," katanya.

Pengumuman tentang pemberian taraf pulau bebas cukai ke atas pulau seluas 13,360 hektar (134km persegi) ini yang terletak 36 batu nautika dari Tanjung Gemok, Rompin dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari tahun lepas.

Lima akta yang berkaitan dengan pemberian taraf itu iaitu Akta Kastam,

Akta Cukai Perkhidmatan, Akta Cukai Jualan, Akta Eksais dan Akta Zon Bebas diluluskan Parlimen serta diwartakan lapan bulan kemudian.

Pulau Tioman mempunyai 3,201 penduduk yang mendiami beberapa perkampungan termasuk Kampung Salang, Air Batang, Tekek, Mukut, Lanting, Nipah dan Juara.

Kebanyakan penduduknya terlibat secara langsung dengan industri pelancongan sama ada mengusahakan chalet dan resort atau bekerja dengannya, membuka kedai makan atau mengusahakan bot pelancongan.

Pelancong yang berhasrat untuk mengunjungi Pulau Tioman boleh menggunakan jalan laut dan udara iaitu menerusi feri atau bot pelancong di jeti Tanjung Gemok dan Mersing, atau menggunakan pengangkutan udara Berjaya Air.

BEBAS DARIPADA PENCEMARAN

Sejajar dengan hasratnya untuk menjadikan Tioman sebuah pulau pelancongan bebas cukai yang sentiasa bersih daripada sampah sarap dan bebas daripada pencemaran air serta udara, TDA telah menyediakan sebuah loji pembakar sampah di Kampung Tekek.

Bagaimanapun, loji yang mempunyai kapasiti 6,000 tan sehari itu tidak berupaya untuk melupuskan semua 11,000 tan sampah sehari yang dipungut daripada semua kampung di pulau ini.

"Untuk mengatasi masalah itu pada peringkat awal ini, kita melupuskan hanya 5,000 tan sampah terbabit di loji berkenaan, manakala sampah selebihnya dilupuskan di tanah besar iaitu di Endau," katanya.

Bagaimanapun, oleh kerana operasi sedemikian membabitkan kos yang besar dan menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk Endau, TDA kini sedang dalam usaha memohon sebuah lagi loji pembakar sampah yang juga akan ditempatkan di Kampung Tekek.

Selain itu, TDA juga sedang menyelenggarakan pembersihan sungai-sungai atas pulau yang dicemari dengan sampah sarap dan anak-anak kayu yang menyekat kelancaran arus sungai.

Kerja-kerja penyelenggaraan itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, termasuk menggantikan jambatan-jambatan kayu yang telah rosak dan menaik taraf jalan.

KEPERLUAN PENDIDIKAN

Hashim juga memberitahu, setakat ini terdapat empat buah sekolah di pulau ini bagi memenuhi keperluan pendidikan anak-anak penduduk iaitu sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah di Kampung Tekek dan masing-masing sebuah sekolah rendah di Kampung Juara dan Kampung Mukut.

Sebuah sekolah berasrama serta kediaman guru juga sedang dibina di Kampung Tekek.

Melihat daripada perancangan rapi pihak kerajaan dalam penyediaan pelbagai kemudahan asas itu serta komitmen tinggi penduduk setempat untuk turut membabitkan diri sepenuh masa, Pulau Tioman mempunyai potensi yang cerah untuk menyaingi, walaupun tidak mengatasi, pulau-pulau atau destinasi pelancongan bebas cukai lain di negara ini. -- Bernama

ZAF LIB AM RR